



**PRIHATIN:** Tajuddin menyerahkan komputer riba kepada Siti Hawa sambil diperhatikan Dr Mohamed Said di Dewan Bankuasi UMP, semalam.

BH (timur) Jumaat 14/9/07 p 8: B6.

## Penuntut lemah otot dapat komputer

**K**UANTAN: "Saya bersyukur masih ada individu yang prihatin dengan nasib insan istimewa seperti saya ini," kata Siti Hawa Apandi penuntut Tahun Satu jurusan Sains Komputer, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Siti Hawa yang mengalami penyakit lemah otot sehingga menyebabkan dia tidak mampu berjalan berkata demikian selepas menerima sumbangan komputer riba daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman, semalam.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuasi UMP Kampus Gambang itu turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela.

Siti Hawa berkata, komputer riba itu akan menambahkan lagi semangat serta kesungguhannya untuk belajar

dan berjaya dalam bidang sains komputer.

"Saya hanya mampu mengucapkan terima kasih kepada Tajuddin yang begitu bermurah hati menyumbangkan komputer riba bagi kemudahan saya belajar.

"Saya berjanji untuk membuktikan kepada emak dan ayah termasuk Naib Canselor bahawa insan cacat seperti saya ini mampu berjaya sama seperti pelajar lain," katanya.

Siti Hawa yang terpaksa menggunakan kerusi roda mendapat bantuan sepenuhnya daripada ibunya, Zaidah Tamjis yang turut tinggal sebilik dengannya di asrama UMP dan di bilik kuliah.

Tajuddin berkata, semangat serta kesungguhan yang ditunjukkan Siti

Hawa perlu dicontohi semua pelajar di negara ini, walaupun cacat tetapi masih mampu berjaya dalam pelajaran.

Katanya, selain bangga dengan kejayaan Siti Hawa, dia juga kagum dengan sokongan padu yang diberikan ibu dan bapa pelajar berkenaan yang tidak jemu-jemu memberi sokongan.

"Saya tidak pernah bertemu dengan seorang ibu kecuali Zaidah yang bukan saja terpaksa meninggalkan suami dan rumah, tetapi sanggup tinggal sebilik dan menguruskan semua aktiviti Siti Hawa.

"Saya yakin inilah pengorbanan yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh ibu lain melainkan Zaidah yang turut mendapat sokongan daripada suami," katanya terharu dengan apa yang berlaku.